

17/07/2004

E-mel & surat

* ASSALAMUALAIKUM.....

Tahniah kerana berjaya mencipta satu kelainan yang baru dalam akhbar media di negara ini. Saya berharap supaya ada satu ruangan untuk tokoh dalam negara ini yang banyak berkhidmat untuk negara tercinta. Kita boleh tahu serba sedikit mengenai gaya hidup mereka yang banyak berjuang seperti Tun Dr Mahathir Mohamad dan menjadikan mereka sebagai contoh yang terbaik. Terima Kasih.

Tengku Mohd Zulkefli, Besut

* ASSALAMUALAIKUM....

Tahniah saya ucapkan kepada semua warga i-Kon kerana berjaya menawan hati pembacanya dengan menyajikan pelbagai informasi menarik dan pelbagai sudut bacaan yang dapat dimanfaatkan. Kini dapatlah saya menambahkan sedikit sebanyak pengetahuan mengenai dunia fesyen dan pelbagai jenis barangan berjenama. Boleh dikatakan hampir semua isi kandungan i-Kon menarik. Apa yang ingin saya sarankan supaya perbanyakkan stail pakaian yang sesuai bagi wanita bertudung khasnya remaja, adakan ruangan hiasan dalaman rumah dan panduan bersolek. Justeru, teruskanlah perjuangan dengan usaha warga i-Kon yang kreatif dan menjadikan i-Kon begitu `istimewa`.

Muhaini Muda, Kuala Terengganu

* Dua e-mel atau surat pembaca yang disiarkan minggu ini akan menerima CD sumbangan EMI.

(END)